

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [CHERAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan terkini golongan tanpa kerakyatan (*stateless*) di Malaysia, angka mereka mengikut kumpulan umur di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberikan kerakyatan kepada golongan tanpa kerakyatan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan rekod individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*), adalah dimaklumkan bahawa Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya merekodkan status seseorang individu sebagai warganegara atau bukan warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Justeru itu, JPN tidak menyimpan rekod individu yang mendakwa dirinya *stateless* dan pada masa yang sama tidak tampil ke JPN untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri yang bersesuaian sekiranya memenuhi kelayakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh

kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Kewarganegaraan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Dalam hal ini, adalah ditegaskan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf 'Belum Ditentukan' atau 'Bukan Warganegara' bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Bagi individu warga asing atau bertaraf belum ditentukan yang berhasrat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia, mereka boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa. Sukacita diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya melayakkan permohonan dikemukakan dan tidak menjamin bahawa ia akan diluluskan.

Berhubung dengan isu individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*), dimaklumkan bahawa Kementerian melalui JPN sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran Sijil Kelahiran serta dokumen pengenalan diri bagi individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara. Antara inisiatif berterusan yang telah dilaksanakan Kerajaan ialah Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang merangkumi Program Pendaftaran Bergerak (*Unit Mobile*) dan *Bus Mobile*. Program-program berkenaan menyediakan pelbagai

perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran Kad Pengenalan, Kelahiran dan Kematian.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif tambahan seperti berikut:-

- i. Mengadakan kerjasama strategik bersama Jabatan Pendidikan Negeri dan Kerajaan Negeri melalui Ketua Kaum/Ketua Masyarakat bagi mengenal pasti murid-murid sekolah serta penduduk yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri; dan
- ii. Mengadakan taklimat kepentingan dokumen pengenalan diri kepada semua Ketua Kaum/Ketua Masyarakat serta orang ramai secara berkala.